

A. Gariskan kata yang perlu dibubuh imbuhan dalam ayat-ayat di bawah ini dan isikan di ruang yang disediakan.

- 1 Majlis rasmi kompleks beli-belah itu dimeriahkan dengan persembahan tari. (_____)
- 2 Para lancong asing tertarik oleh unik budaya masyarakat Malaysia. (_____)
- 3 Pelbagai insentif disediakan oleh raja untuk meningkatkan keluar barang kraf tangan. (_____)
- 4 Perjumpaan antara pemimpin itu bertujuan untuk membincangkan golak yang sedang laku. (_____)
- 5 Pusat angin di Tasik Kenyir menyediakan pelbagai mudah untuk para pengunjung. (_____)

B. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- 1 Pak Daud mengisikan pelita itu dengan minyak tanah.

- 2 Iskandar memasukkan pondok buruk itu dengan perasaan yang berdebar-debar.

- 3 Pihak polis akan menjalani siasatan terhadap beberapa orang saksi sebelum melakukan penangkapan.

- 4 Kerajaan bercadang untuk mengurangkan ambilan pekerja asing dalam sektor perladangan dan pembinaan.

- 5 Rizal mudah menerima pendapat orang lain kerana dia berfikir terbuka.

- 6 Pemaju yang gagal menyiapkan projek rumah perlu memulangkan wang pendahuluan kepada pembeli.

- 7 Jasa baik Pak Bakri sekeluarga tidak akan saya melupakan kerana merekalah yang banyak membantu saya selama ini.

8. Anggota tentera sedang melakukan persiapan untuk acara pembarisan bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos nanti.

[16 markah]